



JABATAN TEKNOLOGI DIGITAL  
DAN INOVASI NEGERI SABAH

# MEMORANDUM

Pengarah

JABATAN TEKNOLOGI DIGITAL DAN INOVASI NEGERI SABAH

Rujukan : JPKN 100-4 JLD 3 (28)  
Tarikh : 18 Mei 2026

Kepada : Semua Timbalan Pengarah  
Semua Ketua Penolong Pengarah  
Semua Ketua Cawangan  
Semua Kakitangan

Tuan/Puan,

## GARIS PANDUAN KEKERAPAN MENGEMUKAKAN TUNTUTAN ELAUN RASMI

Dengan hormatnya, perkara dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa garis panduan ini dibaca bersama-sama dengan Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah PPKNS Bil 3/2026 (<https://11nq.com/kaz1o46>).

### GARIS PANDUAN

i) Semua pegawai adalah dibenarkan untuk mengemukakan tuntutan 2 kali sebulan seperti ketetapan berikut:

- a. Urusan rasmi dari tarikh 01 hari bulan sehingga 15 hari bulan, kemukakan pada tarikh 20 hari bulan dalam bulan yang sama manakala urusan rasmi dari tarikh 16 hari bulan sehingga 30/31 hari bulan pada bulan semasa hendaklah mengemukakan tuntutan pada tarikh 10 hari bulan berikutnya.

Contoh A :

Tarikh urusan rasmi selesai : 15 hb April.

Tarikh akhir mengemukakan tuntutan : 20hb April

Contoh B :

Tarikh urusan rasmi bermula : 16hb April

Tarikh akhir mengemukakan tuntutan : 10hb Mei

- ii) Sekiranya terdapat pegawai yang melaksanakan urusan rasmi di luar daerah yang kerap dan telah menggunakan wang sendiri melebihi RM1,000.00, maka permohonan boleh dikemukakan sebaik sahaja selesai urusan rasmi tersebut namun perlu mendapatkan kelulusan bertulis daripada Pengarah bagi tujuan sokongan sebelum dikemukakan kepada Jabatan Bendahari Negeri.

Sekian dan terima kasih.

(ERNYWATI DEWI ABAS)

Pengarah

“MALAYSIA MADANI”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
‘Profesionalisme Teras Keunggulan’

